

» Model dilaksanakan
Universiti Al-Azhar,
pesantren
Indonesia
jadi rujukan

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my


• Nilai

Model pembiayaan wakaf untuk institusi pendidikan tinggi (IPT) Islam akan dibangunkan sebagai inisiatif Konsortium Pengajian Tinggi Institusi Islam, Kauffi Akademik dan Kemajuan Penyelidikan (IKORA).

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Zurina Shafiq, berkata langkah itu berkaitan pembiayaan wakaf dikenal pasti sebagai sumber pembiayaan lestari untuk pembangunan waja universiti dan masyarakat.

Katanya, model wakaf yang berjaya dilaksanakan Universiti Al-Azhar, Mesir dan pesantren di Indonesia akan dijadikan rujukan untuk menjana dana sektor pendidikan termasuk menerusi wakaf tunai serta

Wakaf untuk IPT Islam



Bengkel Pembiayaan Wakaf IPT Islam berlangsung di USIM, Nilai, Negeri Sembilan. [FOTO HIASAN / BH]

wakaf pelaburan atau hartanah.

Contoh di Indonesia

Antara model wakaf berjaya di Indonesia yang boleh dijadikan rujukan termasuk Tabung Wakaf Indonesia, sekolah SMART Ekse-lensia, Wisma Muallaf dan Rumah Baca Langkat Pena.

“Wakaf sebagai instrumen digaris-

kan Islam bagi mendekatkan jurang ekonomi dalam masyarakat boleh diperluas merangkumi aktiviti pengajaran, penyelidikan dan pemuisan.

“Hasil pembentangan lapan kertas kerja, sebanyak 20 resolusi berkaitan penggunaan wakaf sebagai pendekatan menjana pendapatan institusi pengajian tinggi (IPT) dihasilkan untuk dijadikan panduan dalam

membangunkan model pembiayaan wakaf IPT Islam,” katanya ketika membentangkan resolusi Bengkel Pembiayaan Wakaf IPT Islam di USIM, baru-baru ini.

Zurina berkata, antara cadangan khusus termasuk memanfaatkan konsep wakaf tunai bagi membantu pembiayaan pendidikan melalui mekanisme subsidi menerusi pengu-

“Wakaf instrumen digariskan Islam bagi mendekatkan jurang ekonomi dalam masyarakat”

Dr Zurina Shafiq,
Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi
dan Muamalat USIM

rangan yuran atau pemberian wang saku hati.

Biaya aset
Katanya, model wakaf IPT juga tidak harus terhad kepada bentuk tunai atau hartanah saja, malah merangkumi pelbagai bentuk aset lain termasuk khazanah buku atau alat bantuan mengajar.

Selain itu, IPT disarankan menu-buhkan institusi khusus menguruskan wakaf iaitu Mutawalli serta berusaha memiliki tanah dan aset yang diwakafkan oleh kerajaan atau orang ramai melalui perundangan.

IPT juga disarankan membina rancangan dengan ahli atau syarikat korporat temana, selain bekerjasama dengan yayasan wakaf luar negara untuk memperoleh dana.

Bengkel Pembiayaan Wakaf IPT Islam anjuran USIM itu dijalankan lebih 40 wakil pelbagai institusi bagi membincangkan pengurusan dan pembiayaan wakaf.